

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 30/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 34

Tajuk : ANGKASA Infaq Lil Waqf berjaya kutip RM13.5 juta

## Angkasa Infaq Lil Waqf berjaya kutip RM13.5 juta

**TEMERLOH** - Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) Infaq Lil Waqf berjaya mengutip RM13.5 juta sehingga akhir tahun lalu.

Diuruskan secara profesional oleh Angkasa, jumlah itu merupakan hasil sumbangan anggota koperasi dan masyarakat.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Infaq Lil Waqf diwujudkan pada 2010 untuk menggalakkan anggota koperasi dan masyarakat menyumbang dalam bentuk wakaf.

Menurutnya, Angkasa mengambil pendekatan yang dianjurkan dalam Islam dengan pelaksanaan Infaq Lil Waqf secara profesional yang dipimpin Jawatankuasa Hisbah Infaq Lil Waqf.

"Tujuan utama tabung



Abdul Fattah (lima dari kanan) menghadiri majlis penyerahan sumbangan kepada anak yatim serta ibu tunggal dan berbuka puasa di Masjid Kampung Raja, Songsang baru-baru ini.

ini untuk membeli bangunan perniagaan selain aktiviti lain seperti membantu sekolah-sekolah tahfiz dan anak yatim," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyerahan sumbangan kepada anak yatim serta ibu tunggal dan berbuka puasa

di Masjid Kampung Raja, Songsang di sini baru-baru ini.

Abdul Fattah berkata, RM5.1 juta digunakan untuk menubuhkan Pusat Jajaan Darul Sakinah, sumbangan 23 mesin hemodialisis kepada hospital awam, Yayasan Buah Ping-

gang Malaysia, koperasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Katanya, matlamat asas ibadah wakaf ialah menjadikan aset wakaf bermanfaat dan produktif sekali gus ke arah aktiviti pelaburan terhadap aset itu untuk mendapat pulangan.

"Angkasa komited untuk memberi kesedaran dan galakan kepada masyarakat Islam dalam mengamalkan amalan berwakaf melalui program yang dirancang untuk meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Islam," katanya.

Dalam pada itu beliau

berkata, Angkasa dilantik sebagai amil oleh kerajaan-kerajaan negeri bagi mengutip zakat daripada koperasi dan anggota di seluruh negara.

Menurutnya, Angkasa merupakan satu-satunya organisasi yang diberi kepercayaan oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri untuk mengutip zakat bagi meningkatkan kecekapan kutipan zakat.

"Sehingga akhir 2018 sebanyak RM9.58 juta zakat daripada Angkasa Koperasi dan penyumbang melalui potongan gaji diserahkan kepada majlis agama negeri terlibat," katanya.

Beliau berkata, ia pendekatan strategik membantu umat Islam bersaing dalam perniagaan dan pengeluaran produk halal yang kebanyakan dimonopoli bukan Islam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA